

Potensi Penggunaan Aplikasi Mudah Alih dalam Pengajaran Terjemahan Kinayah al-Quran kepada Bahasa Melayu

The Potential Use of Mobile Applications in Teaching the Translation of Quranic Metonymy into the Malay Language

Nasimah Abdullah¹, Lubna Abd. Rahman², Saifulah Samsudin³,
Naqibah Mansor⁴

^{1,3,4}Universiti Islam Selangor, Malaysia

²Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia

¹anasimah@uis.edu.my, ²lubna@usim.edu.my, ³saifulah@uis.edu.my,

⁴mansornaqibah7@gmail.com

ABSTRAK

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah menjadikan penggunaan teknologi dalam proses pengajaran adalah sangat signifikan. Hal ini adalah kerana penggunaan teknologi mampu mewujudkan pengalaman baharu yang lebih menyeronokkan dan menarik dalam proses pembelajaran. Namun begitu, timbul persoalan tentang kesediaan tenaga pengajar itu sendiri dalam usaha memanfaatkan pendekatan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran, selain masalah keberadaan bahan bantu mengajar yang bersifat teknologi yang boleh menyokong tenaga pengajar ke arah penggunaan teknologi. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau potensi penggunaan aplikasi mudah alih di kalangan tenaga pengajar sebagai bahan bantu mengajar bagi subjek balaghah. Kajian ini hanya memfokuskan pengajaran terjemahan kinayah al-Quran kepada bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan metode kualitatif melalui temubual bersama lima (5) orang tenaga pengajar subjek balaghah di dua (2) institusi iaitu Universiti Islam Selangor (UIS) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Hasil temubual menunjukkan bahawa tenaga pengajar memberikan maklum balas positif bukan sahaja dari segi kesediaan mereka mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam proses pembelajaran dan pengajaran (PdP), malah juga dari segi sokongan kepada keberadaan aplikasi mudah alih itu sendiri sebagai bahan bantu mengajar bagi terjemahan kinayah al-Quran. Oleh itu, kajian yang menjurus kepada penginovasian dalam pengajaran dan pembelajaran subjek balaghah perlu diusahakan agar boleh menyediakan alternatif kepada bahan bantu mengajar yang bersifat teknologi, selain boleh meningkatkan penguasaan pelajar terhadap subjek balaghah umumnya dan tajuk kinayah khususnya.

Kata kunci: Aplikasi Mudah Alih; Pengajaran Terjemahan; kinayah al-Quran; Bahasa Melayu

ABSTRACT

The development of information and communication technology (ICT) has made the use of technology in the teaching process very significant. This is because the use of technology can create new, more enjoyable, and engaging experiences in the learning process. However, issues regarding the readiness of educators themselves in utilizing technological approaches in teaching and learning arise, as well as the issues of the availability of technology-based teaching aids that can support educators towards the use of technology. Therefore, this study was conducted to examine the potential use of mobile applications among educators as teaching aids for the subject of Arabic rhetoric, known as Balaghah. This study only focuses on teaching the translation of Quranic metonymy (kinayah) into Malay. The study adopts a qualitative method using interview protocols with five educators who have experience in teaching Balaghah from two institutions, namely Universiti Islam Selangor (UIS) and Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). The findings from the interview indicate positive feedbacks from the educators, not only in terms of their readiness to optimize the use of technology in teaching and learning (PdP), but also in terms of support for the existence of mobile applications as teaching aids for the translation of Quranic metonymy. Therefore, research aimed at innovation in teaching and learning Balaghah should be carried out to provide alternatives to technology-based teaching aids, as well as to enhance students' mastery of Balaghah in general and metonymy or kinayah in particular.

Keywords: Mobile application; Teaching translation; Quranic Metonymy; Malay language

PENDAHULUAN

Al-Quran yang diturunkan di dalam bahasa Arab merupakan satu bentuk komunikasi bertulis antara makhluk dengan penciptanya (Sibawaih dan Agus Dedi Putrawan, 2015) yang hadir dengan keterangan sama ada secara tersurat atau pun tersirat (Siti Ngaisah, 2013). Untuk memahami ajaran yang terkandung dalamnya, bangsa bukan Arab telah menterjemahkannya kepada bahasa-bahasa dunia yang lain seperti Inggeris, Jerman, Parsi, Perancis, Belanda, Turki dan Urdu (Zadeh, 2015; Halimah, 2014; Heri, 2012). Hal ini membuktikan bahawa terjemahan al-Quran memainkan peranan yang cukup relevan dengan komuniti Islam yang tidak boleh menguasai bahasa Arab.

Dalam konteks masyarakat Melayu, terdapat pelbagai teks terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu di pasaran yang menggambarkan keperluan mereka yang tidak ada latar belakang pengetahuan dalam bahasa Arab (Abdullah, 2015a; Abdullah, 2020). Kebiasaannya mereka akan merujuk kepada teks terjemahan al-Quran secara naskah bercetak yang tampil dalam bentuk kulit lembut atau pun

kulit keras. Kaedah naskhah bercetak ini walau pun tampil dalam beberapa variasi warna yang menarik tetapi sudah tentu merumitkan kerana saiz naskhah adalah besar dan tebal, malah mungkin berat. Justeru, satu anjakan paradigma terhadap kaedah rujukan kepada teks terjemahan al-Quran perlu diusahakan bagi memberi alternatif kepada masyarakat untuk membuat penjelajahan baharu dengan penggunaan peranti mudah alih yang sesuai.

Dalam konteks pelajar yang mempelajari bahasa Arab sama ada di peringkat menengah atau pun di institusi pengajian tinggi (IPT) pula, mereka akan mempelajari subjek balaghah, dan antara tajuk yang akan dipelajari ialah kinayah. Sehingga kini, pengajaran dan pembelajaran balaghah masih menjadi polemik dan masalah ini sering dikaitkan dengan pendekatan pembelajaran klasik yang kaku dan sehalu sahaja. Hal ini mendesak kepada keperluan diberikan nafas baharu melalui sentuhan inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Abdullah et. al., 2023) melalui penggunaan peranti mudah alih yang munasabah.

Dengan berlakunya peningkatan penggunaan peranti mudah alih seperti telefon bimbit, i-Pad, telefon pintar, tablet dan PDA yang menjadi fenomena antarabangsa (Gikas & Grant, 2013), penulis berpandangan pengintegrasian antara perkembangan tersebut dengan pengajian bahasa al-Quran perlu dimanfaatkan sama ada untuk keperluan masyarakat awam atau pun pelajar peringkat menengah dan IPT. Justeru itu, aplikasi mudah alih yang berkait dengan usaha memahami bahasa al-Quran melalui kaedah terjemahan perlu dibangunkan untuk kegunaan masyarakat Islam tidak kira tua atau muda. Dengan erti kata lain, penggunaan alat mudah alih (*mobile*) adalah wasilah yang tepat pada masa kini untuk memudahkan masyarakat muda dan tua mengetahui makna sepadan antara teks sumber (iaitu al-Quran) dengan teks sasaran (iaitu teks terjemahan al-Quran berbahasa Melayu).

Rentetan itu, kajian ini dilaksanakan bagi meninjau potensi penggunaan aplikasi mudah alih dalam pengajaran terjemahan kinayah al-Quran kepada bahasa Melayu dengan memfokuskan dua perkara iaitu i) kesediaan tenaga pengajar itu sendiri dalam usaha memanfaatkan pendekatan teknologi dalam proses PdP dan ii) keberadaan aplikasi mudah alih sebagai bahan bantu mengajar bagi subjek balaghah. Kajian ini memilih kinayah al-Quran sebagai subjek kepada aplikasi mudah alih kerana gaya bahasa ini mempunyai makna implisit yang perlu diberikan interpretasi yang jelas agar maksudnya yang sebenar dapat disampaikan dengan tepat kepada masyarakat Melayu. Ironinya makna implisit yang wujud pada kinayah al-Quran tidak dapat dipindahkan kepada bahasa Melayu berdasarkan binaan ayat semata-mata sebagaimana perkataan itu digunakan kerana berlakunya peluasan makna.

TINJAUAN LITERATUR

Pengajaran dan pembelajaran balaghah dalam kurikulum sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi (IPT) bukanlah perkara baharu, malah proses tersebut telah

berlangsung sejak sekian lama apabila subjek balaghah telah dijadikan salah satu komponen penting dalam kurikulum kebangsaan (Muhammad, 2008; Halim et al., 2018). Oleh itu, pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau ketiga sudah pasti akan mempelajari subjek balaghah.

Dalam pengkajian linguistik Arab, istilah balaghah merujuk kepada salah satu komponen utama bahasa Arab yang berada pada tahap teratas selepas fonetik, morfologi dan sintaksis (Mohd Zaki dan Che Radiah, 2013). Menurut Azman (2018), istilah balaghah ialah satu bidang ilmu retorik Arab yang membincangkan sampainya sesuatu maksud atau makna dengan menggunakan bahasa yang betul dari aspek kata, tepat berdasarkan struktur sintaksis dan sesuai dengan konteks pengujaran atau teks yang dihasilkan. Hal ini bermakna bahawa balaghah berkait dengan analisis wacana pada tahap leksikal, ayat atau teks secara keseluruhannya. Namun demikian, pengkajian mengenai balaghah Arab kurang mendapat tumpuan berbanding dengan sintaksis Arab (Abdul-Raof, 2006: 15).

Antara tajuk yang diajar dalam subjek balaghah ialah kinayah. Kinayah mempunyai maksud dan pengertian yang tersembunyi (Baharom et. al., 2015: 791), atau merujuk kepada sesuatu ungkapan yang mempunyai pengertian lain yang bukan pengertian zahirnya (Anon, 2006: 2034). Oleh kerana gaya bahasa kinayah mengandungi maksud tersirat atau makna implisit, maka gaya bahasa tersebut perlu diterjemahkan dengan teliti jika wujud indikatornya (Azman dan Idris, 2020). Kinayah menurut Siti Saodah (1999) pula merupakan ungkapan yang mempunyai maksud sindiran dan boleh juga digunakan untuk maknanya yang asal. Oleh itu, ungkapan tersebut perlu ditafsirkan dengan jelas kepada bahasa Melayu semasa proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) berlangsung agar maksudnya yang sebenarnya dapat disampaikan dengan tepat.

Dalam konteks kinayah al-Quran pula, penterjemahannya tidak boleh sama sekali dengan sekadar melihat kepada peringkat semantik perkataan, frasa atau ayat yang terasing daripada konteks penggunaan (Abdullah, 2015b; Abdullah, 2017a). Untuk menangani masalah terjemahan, penterjemah al-Quran bukan sahaja perlu menguasai semua ilmu berkaitan dengan al-Quran seperti ilmu bahasa Arab, nahu, morfologi, etimologi dan retorik sebelum memindahkan makna al-Quran, malah juga perlu memahami hadis, asbāb al-nuzūl, qirāat dan ilmu usuluddin (Ammar Fadzil, 2008).

Pemerhatian terhadap teks terjemahan al-Quran kepada bahasa Melayu yang berada di pasaran mendapati kaedah terjemahan kinayah al-Quran kadang-kadang tidak sepadan dengan konteks makna yang dimaksudkan oleh mesej al-Quran. Hal ini berlaku kerana teks terjemahan adakalanya menggunakan pendekatan terjemahan secara literal (Abdullah, 2016). Pendekatan secara literal ini adakalanya menyebabkan kekeliruan kepada maksud sebenar al-Quran (Abdullah, 2017b). Contohnya kajian Abdullah (2017a) mendapati Mahmud Yunus, Abdullah Basmeih

dan Zaini Dahlan adakalanya menggunakan pendekatan terjemahan secara literal dalam menterjemahkan kinayah al-Quran. Namun kajian lain pula oleh Abdullah et al. (2020) menemui bahawa sesetengah teks terjemahan mengaplikasikan pendekatan terjemahan bukan literal dalam usaha menyampaikan mesej al-Quran.

Kajian Abdullah et al. (2020) menyatakan bahawa kinayah al-Quran boleh diterjemahkan secara literal jika tiada kekeliruan pada mesej al-Quran, namun penterjemah perlu mengambil pendekatan lain jika wujudnya makna yang tidak jelas. Kajian Abdullah (2017c) juga menegaskan bahawa bukan semua kinayah boleh diterjemahkan secara literal disebabkan wujudnya perbezaan unsur linguistik, semantik, budaya dan konteks antara bahasa yang masih boleh menentukan tahap kebolehterjemahannya secara literal atau sebaliknya.

Dengan sebab itu, kajian Abdullah (2015b) menyarankan kepada pembaca teks terjemahan al-Quran agar tidak bergantung hanya kepada satu naskhah al-Quran sahaja, malah mereka perlu membuat perbandingan antara beberapa naskhah yang berbeza untuk mengetahui makna sepadan yang dimaksudkan oleh wacana al-Quran. Hal ini sejajar dengan cadangan para sarjana lain agar usaha penambahbaikan terjemahan al-Quran dilakukan secara berterusan (Azman dan Idris, 2020).

Hakikatnya, kepelbagaian versi terjemahan di pasaran dalam bentuk naskhah bercetak menyukarkan para pembaca teks terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu untuk memilih teks dan kaedah terjemahan yang menepati mesej al-Quran. Hal ini adalah kerana saiz naskhah teks terjemahan yang besar dan tebal. Selain itu, kebanyakan pembaca teks terjemahan al-Quran juga tidak mempunyai pengetahuan untuk mengenal pasti gaya bahasa retorik Arab. Oleh itu, penginovasian dalam memahami gaya bahasa *kināyah* al-Quran perlu dijalankan untuk memberi alternatif kepada masyarakat sama ada tua atau muda yang berusaha mendalami mesej al-Quran.

Dari sudut pembelajaran balaghah pula, kajian-kajian terdahulu mencatatkan bahawa tahap penguasaan pelajar terhadap subjek balaghah adalah lemah (Rosni & Muhammad Marwan, 2009; Raja Hazirah, 2012; Sery, 1999; Nazri et al., 2017). Terdapat banyak punca kepada kelemahan tersebut dan antaranya melibatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran itu sendiri (Sulaiman & Wahid, 2021; Abdullah & Omar, 2016; Othman et al., 2011; Sopian et al., 2013), selain kepadatan silibus (Muhammad, 2008; Othman, 1999; Muhammad et al., 2007) dan kekurangan bahan bantu mengajar (Mohamed et al., 2021). Bolehlah dirumuskan daripada kajian-kajian terdahulu bahawa pengajaran dan pembelajaran balaghah perlu diberikan anjakan paradigma terutama dari sudut keperluan kepada penerapan penggunaan teknologi terkini untuk menarik minat pelajar (Abdullah et al., 2022).

Sehubungan dengan itu, kajian Abdullah et al. (2022) terhadap 104 orang responden institusi pengajian tinggi (IPT) yang berbeza mendapati bukanlah mudah bagi pelajar untuk mengenal pasti kinayah dalam al-Quran dan memahaminya, malah kajian tersebut juga menunjukkan bahawa secara keseluruhan keperluan penggunaan teknologi dalam pembelajaran kinayah berada pada tahap tinggi dengan nilai purata keseluruhan = 3.52 dengan sisihan piawai = 0.444. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti responden memberikan maklum balas positif terhadap penggunaan teknologi dalam pembelajaran tajuk kinayah.

Oleh itu, kajian ini memfokuskan dimensi lain pula iaitu melibatkan kesediaan tenaga pengajar itu sendiri dalam usaha memanfaatkan pendekatan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran, selain sokongan kepada keberadaan bahan bantu mengajar yang bersifat teknologi. Temubual bersama tenaga pengajar subjek balaghah di institusi pengajian tinggi (IPT) adalah sangat signifikan kerana boleh mengisi kelompangan kajian sedia ada untuk melihat potensi penggunaan aplikasi mudah alih dalam kalangan tenaga pengajar pula sebagai bahan bantu mengajar bagi subjek balaghah.

METODOLOGI

Untuk mencapai objektif kajian yang digariskan iaitu “meninjau potensi penggunaan aplikasi mudah alih dalam pengajaran terjemahan kinayah al-Quran kepada bahasa Melayu”, kajian ini menggunakan metode kualitatif dalam mengumpul dan menganalisis data. Metode kualitatif tersebut adalah melalui temubual bersama lima (5) orang peserta kajian yang terdiri daripada tenaga pengajar subjek balaghah dari dua (2) institusi pengajian tinggi iaitu Universiti Islam Selangor (UIS) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Peserta kajian dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan.

Temu bual ini dijalankan melalui medium *Microsoft Teams* dan *VooV Meeting*. Maklumat temu bual direkodkan melalui rakaman audio video dan pengisian borang atau catatan nota. Temubual telah dilakukan pada 9 Mac 2022 dan 14 Mac 2022. Temubual tersebut mengambil masa antara 30 minit hingga 50 minit bagi setiap peserta.

Bentuk soalan yang dikemukakan adalah temu bual berstruktur. Temu bual berstruktur bermaksud temu bual yang dikendalikan dengan mempunyai soalan-soalan secara terperinci yang disediakan sebelum berlangsungnya temu bual (Sabhita Marican, 2006: 144). Dengan erti kata lain, temu bual berstruktur bermaksud satu bentuk temu bual yang terkawal iaitu penemuramah berperanan sebagai moderator yang menyediakan soalan-soalan dan memandu jawapan yang akan diberikan responden (Ahmad Sunawari Long, 2016: 80).

Protokol temu bual mengandungi 12 soalan kesemuanya. Soalan-soalan yang ditanyakan adalah berkenaan dengan tempoh mengajar, kaedah pengajaran subjek

balaghah, alat bantu mengajar, masalah semasa pengajaran dan pembelajaran, pengajaran tajuk kinayah dan keperluan pembinaan aplikasi mobile e-KINAYAH untuk membantu proses P&P subjek balaghah. Protokol temu bual telah melalui proses pengesahan oleh dua (2) orang pakar bidang iaitu seorang daripada UIS dan seorang lagi dari USIM.

Kajian ini juga melakukan proses transkripsi terhadap sesi temu bual tersebut. Transkripsi data temu bual dianalisis bagi membentuk tema dan sub tema. Tema dan sub tema temu bual ini telah melalui proses kesahan data oleh tiga orang pakar yang dilantik untuk membuat semakan terhadap tema-tema yang telah dibangunkan. Ketiga-tiga pakar merupakan pakar dalam bidang bahasa Arab.

Kajian ini seterusnya membuat pengesahan tema dan sub tema melalui pengiraan *Cohen Kappa*. Jadual 1 merupakan senarai latar belakang pakar penilai yang membuat persetujuan dalam pembinaan tema data kualitatif.

Jadual 1: Latar belakang pakar penilai

Bil	Nama	Kepakaran	Institusi
1	Pakar A	Bahasa Arab	UIS
2	Pakar B	Bahasa Arab	UIS
3	Pakar C	Bahasa Arab	USIM

Analisis *Cohen Kappa* ini dibuat bertujuan mencari darjah persetujuan unit analisis dengan tema dan konstruk yang dikaji. Jadual 2 merupakan skala persetujuan menggunakan *Cohen Kappa*.

Jadual 2: Skala persetujuan Cohen Kappa

Nilai Kappa	Skala Interpretasi
> 0.90	Sangat Tinggi
0.70 – 0.89	Tinggi
0.30 – 0.69	Sederhana
< 0.30	Rendah

Persetujuan pakar penilai dianalisis bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan data setelah penyelidik mendapatkan maklum balas daripada pakar. Nilai pekali persetujuan Indeks *Cohen Kappa* dikira oleh penyelidik berdasarkan rumus berikut:

$$K = \frac{(Fa - Fc)}{(N - Fc)}$$

Perincian:

K: Nilai pekali, Fa: Unit persetujuan, Fc: 50% jangkaan persetujuan dan N: Bilangan unit yang diuji nilai persetujuan.

Sumber: Wiersma, W. (2000)

Berdasarkan pengiraan yang telah dibuat berpandukan rumus di atas, ketiga-tiga pakar memberikan purata keseluruhan bagi nilai pekali persetujuan Indeks *Cohen Kappa* adalah 0.96. Nilai K= 0.96 yang diperoleh dalam pengiraan ini berada pada skala sangat tinggi. (Sila rujuk Jadual 3: Skala Persetujuan Pakar Penilai)

Jadual 3: Skala persetujuan pakar penilai

Bil	Nama	Kepakaran	Tahap Persetujuan (Cohen Kappa)
1	Pakar A	Bahasa Arab	0.98
2	Pakar B	Bahasa Arab	0.95
3	Pakar C	Bahasa Arab	0.95
Keseluruhan (Nilai pekali persetujuan Indeks <i>Cohen Kappa</i>)			0.96

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini membahagikan dapatan kajian dan perbincangan kepada beberapa perkara utama seperti berikut:

1. Demografi Informan

Kajian ini melibatkan seramai lima (5) orang tenaga pengajar (TP) subjek balaghah. Berdasarkan aspek tempoh pengalaman mengajar subjek balaghah, TP2 mempunyai pengalaman mengajar subjek tersebut lebih 20 tahun, TP5 mengajar subjek tersebut lebih 10 tahun, TP3 dan TP4 mengajar subjek tersebut selama 6 tahun dan TP1 mengajar subjek tersebut selama 4 tahun. Kesemua tenaga pengajar yang terlibat mengakui bahawa mereka turut mengajar tajuk kinayah dalam subjek balaghah. (Sila rujuk Jadual 4).

Jadual 4: Demografi pakar yang terlibat

Tenaga Pengajar (TP)	Pengalaman mengajar subjek balaghah	Mengajar subjek balaghah	Mengajar topik kinayah
TP1	4 tahun	Ya	Ya
TP2	Lebih 20 tahun	Ya	Ya
TP3	6 tahun	Ya	Ya
TP4	6 tahun	Ya	Ya
TP5	Lebih 10 tahun	Ya	Ya

2. Kaedah Pengajaran Subjek Balaghah, Alat Bantu Mengajar dan Masalah Semasa Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Strategi pengajaran subjek balaghah adalah berpusatkan pensyarah kerana tenaga pengajar menggunakan buku dan slaid pembentangan semasa memberi penerangan dan contoh berkaitan topik yang diajar. TP2 mengakui penggunaan strategi ini dengan kenyataannya; *“pengajaran saya tu lebih kepada pertama bergantung kepada buku sudah semestinya...”*, dan TP4 dengan kenyataannya; *“Saya bagi lecture je melalui slaid, saya bagi syarahan penuh...”*, serta TP1 dengan kenyataannya; *“saya akan bagi contoh-contoh dan penerangan tentang tajuk yang saya akan mengajar tu”*.

Tenaga pengajar juga menggunakan pendekatan kontrastif semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) subjek balaghah. Hal ini jelas terserlah pada kenyataan TP5 iaitu *“lagi pula saya gunakan manhaj taqabul dalam pembelajaran balaghah... Manhaj taqabuliah ni kita kira taqabul kan kalau kinayah dalam bahasa Arab tu contoh macam mana, kinayah bahasa Melayu tu contoh macam mana...”*. Begitu juga tenaga pengajar menggunakan dwibahasa semasa proses PdP subjek balaghah kerana beliau mengajar dalam bahasa Arab, dan kemudian beliau memberi penerangan dalam bahasa Melayu. TP1 mengakui penggunaan strategi ini dengan kenyataannya; *“kalau saya... Saya buat dua-dua lah... mula-mula tu saya mengajar dalam bahasa Arab penuh lepastu saya terangkan sikit-sikit yang dalam bahasa Melayu sikit... supaya mereka boleh faham...”*.

Penyelidik berpandangan bahawa untuk menjadikan pengajaran subjek balaghah menarik, kaedah pengajaran subjek tersebut perlu diberikan suntikan baharu dengan berpusatkan pelajar melalui penggunaan aplikasi mudah alih yang dilengkapi dengan dwibahasa.

Dari segi alat bantu mengajar (ABM) yang digunakan oleh tenaga pengajar pula, boleh dikategorikan kepada dua bentuk iaitu (i) elektronik dan (ii)

bukan elektronik. Jadual 5 merupakan bentuk ABM yang digunakan mereka dalam melaksanakan proses PdP subjek *balaghah*.

Jadual 5: ABM yang digunakan tenaga pengajar dalam proses PdP

ABM berbentuk elektronik		ABM bukan berbentuk elektronik	
Komputer	Buku	Buku teks	
Peranti paparan		Buku-buku <i>balaghah</i>	
Laman sesawang		Buku rujukan dalam bahasa Melayu	
Slaid Perisian Microsoft PowerPoint	Nota	Buku-buku tafsir al-Quran	
Aplikasi Google Meet/Microsoft Team		Nota yang disediakan sendiri	
Aplikasi WhatsApp	Ketika pandemik	Nota yang disediakan oleh pensyarah lain	
		Modul	
		Papan Putih	

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, kesemua tenaga pengajar menggunakan slaid pembentangan *PowerPoint* dalam proses PdP mereka. TP1 mengakui menggunakan slaid dengan kenyataannya; *“Alat bantu mengajar macam slaid slaid yang diguna...”*, dan TP4 dengan kenyataannya; *“Yang saya guna adalah slaid macam biasa”*, serta TP2 dengan kenyataannya; *“paling canggih kita guna PowerPoint lah... paling canggih la tu kan... balaghah 2 saya banyak menggunakan slaid lah... sebab ada nota-nota saya tu dalam bentuk slaid dah... boleh dikatakan 90% itu ada slaid lah...”*.

Selain itu, terdapat juga tenaga pengajar yang menggunakan laman sesawang atau internet sebagai ABM mereka. Hal ini jelas pada kenyataan TP5 seperti berikut; *“kemudian kita guna website-website untuk nak mencari ayat-ayat balaghah contohnya budak akan tulis uslubul kinayah... dia akan keluarlah dalam Google tu kita cari contoh-contoh tu lah, kita huraikan balik... biasanya kita guna website jelah... untuk bantu mengajar”*. Namun, TP2 menyatakan bahawa beliau akan memastikan sumber internet yang dirujuk diyakini dan dipercayai. Ini jelas pada kenyataannya; *“...rujuk juga bahan daripada internet pun ada kan... tapi kita pastikan bahan daripada internet tu yang boleh diyakini dan dipercayailah...”*.

ABM bukan berbentuk elektronik pula dapat dibahagikan kepada empat jenis iaitu buku, nota, modul dan papan putih. Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh TP2 dan TP5, mereka berdua menggunakan buku teks sebagai buku utama dalam proses P&P. Seterusnya, buku yang digunakan oleh tenaga pengajar lain adalah buku

rujukan balaghah. TP1 mengumpulkan beberapa buah buku rujukan balaghah dan disatukan menjadi buku rujukan beliau. Selain itu TP3 juga turut menyatakan menggunakan buku rujukan seperti buku al ta'bir al-Qurānī (التعبير القرآني). Selain itu TP1 juga turut menggunakan buku-buku rujukan tafsir dalam bahasa Melayu.

Dapatan ini menunjukkan bahawa tenaga pengajar mempunyai usaha untuk menggunakan bahan bantu mengajar berbentuk elektronik. Namun begitu, bahan bantu mengajar tersebut sangat terbatas. Oleh itu, keberadaan bahan bantu mengajar yang berbentuk aplikasi mudah alih boleh menyuntik semangat baharu bukan sahaja kepada pelajar malah kepada tenaga pengajar.

Antara masalah yang dihadapi oleh tenaga pengajar semasa proses PdP subjek balaghah ialah aspek silibus, penggunaan bahasa Melayu ketika PdP, sikap dan asas pengetahuan pelajar.

Aspek silibus yang paling ketara adalah berkait dengan kepadatan silibus yang secara tidak langsung menyebabkan masa tidak mencukupi untuk menghabiskan silibus yang ditetapkan dalam tempoh satu semester. Ini terzahir pada kenyataan TP4; *"...contohnya saya mengajar balaghah dekat SMBAK ni satu balaghah tu maknanya tiga ilmu tu dalam 4 bulan ataupun 3 bulan setengah... itu menyukarkan tenaga pengajar... terlalu banyak... masalah bila nak mengajar subjek yang besar dalam 3 bulan setengah"*.

Selain itu, contoh-contoh yang terlalu banyak dalam silibus menjadikan proses PdP sukar. Hal ini diakui oleh TP1 dengan kenyataannya; *"kalau ikutkan yang dalam buku tu mungkin banyak sangat contoh-contoh yang dia bagi tapi mungkin pelajar dia susah nak hafal susah nak ingat"*. Bagi menangani masalah ini, tenaga pengajar kebiasaannya membuat inisiatif lain dengan memberikan contoh ayat al-Quran yang mudah seperti daripada surah yang pelajar biasa baca dan daripada contoh bait syair yang terkenal sahaja. Ini jelas dinyatakan oleh TP1 iaitu *"bagi untuk memudahkan hafal ni saya bagi ayat-ayat yang lazim... maknanya dari surah-surah yang biasa mereka baca..."*, dan TP4 iaitu *"contoh yang saya bagi... banyak saya bagi dari ayat quran... berbanding dengan syair... syair ni saya tak bagi banyak kecuali kalau yang telah diambil pelajar ni maknanya bait-bait syair yang masyhur sahaja..."*.

Kepadatan silibus yang disertai dengan terlalu banyak contoh bukan sahaja mendatangkan kesukaran kepada tenaga pengajar, malah juga kepada pelajar. Secara tidak langsung, situasi ini menimbulkan persepsi negatif kepada pelajar sendiri bahawa subjek balaghah ini merupakan subjek susah untuk dipelajari.

Selain itu, penggunaan bahasa Melayu ketika proses PdP subjek balaghah adalah cukup mencabar bagi tenaga pengajar. TP3 mengakui perkara ini melalui

kenyataannya; *“mungkin aspek bahasa la kan... masalah aspek bahasa... Saya akui juga saya banyak menggunakan bahasa Melayu... itu mungkin kita boleh kata tu lah masalah aspek bahasa lah kan...”*. Namun, begitu, TP1 turut memaklumkan bahawa sekiranya proses PdP itu diterangkan dalam bahasa Melayu, pelajar akan lebih faham. Tambahan pula, sekiranya beliau menggunakan bahasa Arab sepenuhnya pelajar akan kerap bertanya selagi mereka tidak faham. Ini dinyatakan menerusi kenyataannya; *“...saya nampak mereka bila syarah tu dalam bahasa Melayu mungkin lebih terang kepada mereka... kalau tidak pelajar akan bertanya lagi selagi mereka tak faham mereka akan bertanya lagi...”*.

Masalah lain yang dihadapi oleh tenaga pengajar ialah sikap dan asas pengetahuan pelajar itu sendiri. Menurut TP4, majoriti pelajar tidak berminat dengan subjek balaghah. Hal ini jelas pada kenyataannya; *“ilmu balaghah ni ataupun madah al balaghah ni... satu mata pelajaran yang tak disukai oleh majoriti pelajar.....mata pelajaran ni tak disukai oleh pelajar... bukan satu mata pelajaran yang dekat dengan hati pelajar... tapi sebab dia wajib kena ambil... so dia ambil... itu nombor satu...”*.

Situasi ini disokong oleh TP3 dan TP5 yang mengatakan bahawa kekurangan minat ini menjadikan pelajar amat jarang mengguna dan merujuk kamus. Sikap ini secara tidak langsung akan menjadikan pelajar tidak mampu memahami subjek balaghah dengan baik ekoran contoh-contoh ayat balaghah adalah sukar dan mengandungi makna implisit. TP3 dan TP5 juga merumuskan bahawa kekurangan kosa kata Arab, tidak memahami makna perkataan Arab serta lemah dalam asas sintaksis dan morfologi Arab menjadikan pencapaian pelajar dalam subjek balaghah adalah rendah.

3. Kaedah Terjemahan Kinayah Al-Quran Kepada Bahasa Melayu

Dari aspek terjemahan kinayah al-Quran kepada bahasa Melayu pula, menurut TP2, teks terjemahan al-Quran sedia ada di pasaran masih boleh diselidiki dan ditambahbaik. Hal ini demikian kerana, beliau berpendapat bahawa gaya bahasa *balaghah* seperti kinayah amat menarik untuk dikaji dan difahami. Perkara ini dinyatakan dengan jelas pada kenyataannya yang berikut:

“terjemahan al-Quran itu masih boleh diselidikilah kan... banyak perkara lagi boleh diselidiki dan ditambah baik, kita amat menghargai jasa dan juga pengorbanan ulama-ulama terdahulu ataupun para penterjemah sebelum ini yang banyak mengorbankan masa dan sebagainya, kita amat menghargai... bagaimanapun unsur kinayah dan majazat yang lain tu masih boleh diselidiki dan boleh diberi cadangan pandangan ke arah penambahbaikan tadi lah supaya rahsia kinayah tu dapat... rahsia balaghah... ataupun kita kata balaghahtul kinayah tu dalam dijelmakan...”

baru dia ada citarasa kan... kalau tak dia jadi macam tadi jāf... kering tak rasa apa...”.

Malah, gaya bahasa kinayah perlu dijelmakan dalam teks terjemahan al-Quran agar pembaca terutama orang awam dan sebagainya dapat memahami dan menyelami maksud sebenar yang tersirat dalam ayat. Perkara ini dinyatakan dengan jelas pada kenyataannya yang berikut:

“untuk bacaan orang awam... baca al-quran dan baca terjemahan adakalanya terjemahan itu perlu dijelaskan sesuatu yang tersirat tu... makna kinayah... perlu dijelmakan... sekadar kita terjemah biasa mungkin ada perkara yang tersirat di situ, maknanya dari segi rahsia kinayah di situ kan... so kalau nak pergi kepada bidang terjemahan saya nampak di situ perlu dijelmakanlah rahsia kinayah itu dalam al-quran... kalau tak dia jadi macam apa ni jāf, kering tak nampak dia punya rahsia Dr... baca boleh faham, sekadar tu jelah... tapi tak faham kinayah tu...”.

Menurut pandangan TP5, kinayah al-Quran dalam teks terjemahan al-Quran sedia ada di pasaran kebanyakannya hanya diterjemahkan sekadar makna literal perkataan sahaja, bukan diterjemahkan makna implisit atau makna tersirat yang ada pada kinayah tersebut. Hal ini demikian kerana, keberangkalan pihak yang melakukan penterjemahan tidak faham kehendak konteks kinayah tersebut. Hal ini dinyatakan dengan jelas pada kenyataannya seperti berikut:

“... Sebenarnya terjemahan tu dia tak terjemah macam mana maksud kinayah yang dikehendaki, dia lebih kepada perkataan dan makna itu sahaja... Dia tak faham kehendak konteks makna kinayah tu... sebenarnya kita sama sebabnya kita nak jaga makna perkataan tu... jadi bila kita kata makna perkataan tu... makna balaghi yang ada dalam tu makna kinayah dan sebagainya dia tak sampai...”.

Justeru itu, penyelidik berpandangan bahawa potensi penggunaan aplikasi mudah alih dalam pengajaran terjemahan kinayah al-Quran kepada Bahasa Melayu adalah sangat relevan dan signifikan demi memperkasakan pengajaran subjek balaghah.

4. Keperluan Pembinaan Aplikasi Mudah Alih Kinayah

Berdasarkan temu bual yang dijalankan ke atas kelima-lima tenaga pengajar, kesemua mereka mengakui bahawa mereka tidak pernah menggunakan sebarang bentuk aplikasi mudah alih ketika mengajar subjek balaghah. Malah, TP1 mengakui bahawa beliau tidak pernah jumpa aplikasi mudah alih berkaitan dengan balaghah.

Berdasarkan temu bual bersama kelima-lima tenaga pengajar juga, kesemua mereka memberikan maklum balas yang positif terhadap keperluan pembinaan aplikasi

mudah alih kinayah ini. TP2 dan TP3 berpendapat pembangunan aplikasi seperti ini amat penting dan suatu idea yang amat baik. Malah TP4 menganggap usaha ini boleh menjadikan subjek balaghah umumnya dan tajuk kinayah khususnya tidak ketinggalan dalam memanfaatkan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam proses PdP. Ini jelas dalam kenyataannya; *“boleh jadi satu realiti bersaing dengan subjek-subjek lain yang menggunakan apps ni”*.

Begitu juga TP1, TP2 dan TP4 turut menyatakan bahawa pembinaan aplikasi mudah alih sebegini seiring dengan zaman memandangkan zaman sekarang lebih terdedah kepada penggunaan teknologi. TP1 mengakui situasi dan keperluan ini dengan kenyataannya; *“...sekarang ni zaman moden sebab pelajar pun lebih kepada menggunakan teknologi, so saya rasa teknologi ni lebih dekat dengan pelajar-pelajar zaman sekarang... kalau kinayah tu boleh belajar melalui aplikasi yang ada dalamnya itu saya rasa dia lebih sesuai dengan keadaan sekarang ni...”*.

Pembinaan aplikasi mudah alih kinayah boleh memberikan banyak manfaat bukan sahaja kepada pelajar, malah kepada pensyarah juga. TP1 dan TP5 mengakui bahawa aplikasi ini boleh menarik perhatian pelajar untuk mempelajari subjek balaghah dengan kenyataannya; *“dia akan menarik perhatian pelajar itu untuk belajar lagi untuk mereka lebih minat lagi kepada balaghah ni...”*, dan *“Memang lah kita kata apps ni penting dalam pendidikan nak membantu pelajar... menarik minat”*. Selain itu, pembinaan aplikasi ini juga dapat membantu memudahkan para pensyarah yang mengajar subjek balaghah. TP4 mengakui hal ini dengan kenyataannya; *“projek ni, projek yang kamu sendiri tengah buat nak membangunkan saya harap boleh membantu ...”*.

Namun begitu, TP4 mengatakan adalah mustahil aplikasi mudah alih boleh menggantikan pengajaran subjek *balaghah* secara keseluruhan. Hal ini demikian kerana subjek balaghah memerlukan pensyarah atau tenaga pengajar untuk memberi kefahaman dengan lebih jelas kepada pelajar. Alat seperti aplikasi mudah alih kinayah ini hanya sekadar untuk membantu memudahkan proses PdP yang berlaku sama ada di dalam atau di luar kelas. Ini jelas dalam kenyataannya; *“...membantu... mengganti 100% saya tak nampak... kalau balaghah memang saya tak nampak... tapi dia membantu sangat-sangat kalau dapat menjayakan projek ni dan membangunkan apps ni... e-Kinayah ni untuk digunakan dalam ilmu balaghah...”*.

Dari segi penggunaan aplikasi mudah alih sebagai alat bantu mengajar dalam subjek balaghah, kesemua lima tenaga pengajar memberikan maklum balas positif. TP2 dan TP3 mengakui bersedia menggunakannya semasa mengajar dengan kenyataannya; *“...amat berminat menggunakannya dalam kelas”*, dan TP5 dengan kenyataannya; *“Ya... kalau ada Apps tu kita lebih prefer guna apps lah... sebabnya mudah menarik dan simple...”*, serta TP1 dengan kenyataannya; *“Tentu, baru saya*

jawab soalan 12 bahawa benda tu memang perlu zaman sekarang walaupun kita ni mungkin generasi yang tak adalah terikat sangat dengan IT tapi perlu kita kemukakan perkara-perkara macam ni kepada pelajar kita sekarang ni...”

Seterusnya dari aspek pengguna sasaran pula, kesemua lima tenaga pengajar menyarankan agar aplikasi ini direka bentuk bukan sahaja untuk tujuan kegunaan pensyarah dan pelajar di universiti serta guru dan pelajar di sekolah, malah perlu diperluaskan untuk kegunaan masyarakat awam yang mengikuti kelas di masjid dan surau. Ini jelas dalam kenyataan TP2; *“selain daripada itu kalau diupgrade ataupun disesuaikan boleh digunakan untuk pengajaran di masjid dan sebagainya...”* dan TP1 dengan kenyataannya; *“masyarakat orang luar pun memang mereka perlu juga mewujudkan aplikasi macam ni... supaya masyarakat boleh faham tentang ayat-ayat yang mengandungi kinayah ni... dan lebih faham kinayah dengan lebih jelas lagi dengan menggunakan aplikasi tersebut”*, serta kenyataan TP5; *“tetapi kalau masuk contoh-contoh kinayah al-quran tu... orang awam pun boleh guna, kita boleh katakan kinayah dalam al-quran, jadi orang-orang awam... sekarang ni orang awam dia tak tahu kinayah al-quran dengan sebab kinayah tu tajuk dalam subjek balaghah... tapi kalau kita perkenalkan makna kinayah al-quran jadi orang awam pun boleh guna...”*

Secara keseluruhannya, kesemua pakar yang terlibat iaitu tenaga pengajar subjek balaghah memberikan maklum balas yang positif terhadap keperluan pembinaan aplikasi mudah alih kinayah ini. Kesemua pakar berminat menggunakan aplikasi ini jika sekiranya aplikasi ini berjaya dibangunkan. Hal ini demikian kerana aplikasi ini lebih bersifat mudah dan senang digunakan. Malah, aplikasi ini juga sangat bersesuaian dengan pendidikan zaman sekarang yang lebih mengoptimumkan penggunaan teknologi. Pelajar-pelajar juga akan lebih berminat dan tertarik untuk mempelajari subjek balaghah.

PENUTUP

Kesukaran dalam pembelajaran ilmu balaghah telah diperakukan dalam banyak literatur kajian terdahulu. Kesukaran ini berpunca daripada aspek yang pelbagai sama ada kompetensi pelajar, saiz silibus yang terlalu padat atau alat bantu mengajar yang relevan. Secara khusus, pembelajaran topik kinayah turut menghadapi kekangan ini.

Dari aspek penterjemahan kinayah al-Quran kepada bahasa Melayu pula, yang menjadi salah satu platform efektif di kalangan para pengajar dalam proses pembelajaran, masih boleh diselidiki dan ditambahbaik. Gaya bahasa kinayah perlu dijelmakan dalam teks terjemahan al-Quran agar pembaca dapat memahami maksud sebenar kinayah al-Quran. Hal ini selaras dengan pandangan peserta kajian atau responden bahawa dalam teks terjemahan al-Quran sedia ada di pasaran

kebanyakannya hanya diterjemahkan sekadar makna literal perkataan sahaja, bukan diterjemahkan makna implisit atau makna tersirat yang ada pada kinayah tersebut.

Kajian mendapati tenaga pengajar mempunyai usaha untuk menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) berbentuk elektronik yang dikategorikan kepada dua bentuk iaitu (i) elektronik dan (ii) bukan elektronik. Namun, bahan bantu mengajar tersebut adalah sangat terbatas. Berdasarkan situasi ini, kesemua tenaga pengajar memberikan maklum balas yang amat positif terhadap keperluan pembinaan aplikasi mudah alih bagi membantu proses pembelajaran ilmu balaghah khususnya kinayah. Arus perkembangan teknologi dunia pada hari ini memerlukan disiplin ilmu turath digarap dalam landskap teknikal pedagogi yang terkini bagi memastikan ilmu-ilmu ini (seperti balaghah) terus kekal relevan di kalangan khalayak samada di peringkat pendidikan formal atau tidak formal. Pakar dalam bidang sama ada pakar dalam bidang ilmu turath atau pakar teknologi pedagogi perlu saling seiringan bagi merealisasikan tuntutan ini.

Justeru, kajian ini mendapati terdapat potensi yang amat signifikan terhadap penggunaan aplikasi mudah alih dalam pengajaran terjemahan kinayah al-Quran kepada bahasa Melayu. Visi ini dengan objektif membantu proses pembelajaran yang dikendalikan oleh tenaga pengajar.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak UIS umumnya, dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) serta Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) khususnya yang telah memberi peluang kepada penulis untuk menjalankan penyelidikan melalui dana Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2021 dengan kod penyelidikan KUIS/2021/GPIK-26/GPM/02 dari tempoh Disember 2021 hingga November 2022.

RUJUKAN

- Abdul-Raof, H. (2006). *Qur'an Translation: Discourse, Texture and Exegesis*. London.
- Abdullah, N. (2015a). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Tinjauan terhadap kesepadanan terjemahan kata ganti nama diri Arab-Melayu. *Jurnal Pengajian Islam*, 8(3), 35–54. <http://www2.kuis.edu.my/jurnal-pengajian-islam>
- Abdullah, N. (2015b). Tarjamah al-Dalalaat al-Majaziyyah al-Qur'aniyyah : Dirasat Tahliliyyah li Asaliib al-Tarjamah fi al-Tarajum al-Malayuwiyyah al-Fardiyyah. *Disertasi Doktor Falsafah* (tidak diterbitkan). Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Abdullah, N. (2016). Dauru al-siyāq fi taḥqīq al-tarjamah al-ṣaḥīḥah (The importance of context in the authentic translation). *Al-Irsyad: Journal of*

- Islamic and Contemporary Issues*, 1(1), 113–128.
<https://doi.org/10.53840/alirsyad.v1i1.40>
- Abdullah, N. (2017a). Akhtha' Tarjamah al-Dalalat al-Kina'iyah al-Quraniyyah ila al-Lughah al-Malayuwiyyah: 'Irdhun wa Tahlil. *Global Journal al-Thaqafah*, 7 (1), 117-132.
- Abdullah, N. (2017b). 'Awāmilu Lujūi' al-Shaikh "Abdullah Basmeih ilā Taṭbīq al-Takafu' al-Shakli fī Tarjamah al-Dilālāt al-Majāziyyah al-Qurāniyyah. *Proceedings of Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara*, PAnTUMN2017. (pp. 518-529). Bangi, Selangor, Malaysia.
- Abdullah, Nasimah. (2017c). Uslub Tarjamah al-Majaz ila al-Tasybih: Dirasah li al-Nusus al-Qur'aniyyah ila al-Lughah al-Malayuwiyyah. *AL-IRSYAD: Journal of Islamic and Contemporary Issues*. 2 (2), 95-109.
- Abdullah, N. (2020). Pengaruh Mazhab Fiqah al-Syafi'i: Analisis Terhadap Beberapa Teks Terjemahan Al-Quran Ke Bahasa Melayu: The Influence of al-Syafi'i School of Thought (Madzhab): An Analysis of Few of the Malay Translations of the Quranic Text. *Journal of Muwafaqat*, 3(2), 44-62.
<https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal/article/view/73>
- Abdullah, A. H., & Omar, M. C. (2016). A prolonged dilemma: Traditional curriculum of Arabic Rhetoric (Balaghah) in Malaysia. *The Social Sciences*, 11(6), 1008–1014.
- Abdullah, N., Abd. Rahman, L. & Samsudin, S. (2020). Terjemahan Kinayah dalam Wacana al-Quran: Analisis Teori Komunikatif Newmark. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. 5(30), 40-61.
- Abdullah, N., Samsudin, S., Rahman, L. A., Arifin, A. N. Z., & Hambali, M. A. (2022). Keperluan Penggunaan Teknologi Dalam Pembelajaran Kinayah. dalam *Teknologi dan Pendidikan dalam Pembangunan Insan*. Penyunting: Mariam Abd. Majid, Wawarah Saidpudin & Juzlinda Mohd Ghazali. Bab 13. mukasurat 229-245. Penerbit Universiti Islam Selangor.
- Abdullah, N., Samsudin, S., Rahman, L. A., Arifin, A. N. Z., & Hambali, M. A. (2023). Analisis Keperluan Pelajar terhadap Penggunaan Teknologi dalam Memahami Terjemahan Kinayah Al-Quran kepada Bahasa Melayu: Analysis of Students' Needs Regarding the Use of Technology in Understanding the Translation of the Quranic Metonymy into the Malay Language. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 10(2), 65-84.
<https://ejpi.kuis.edu.my/index.php/ejpi/article/view/119>
- Ahmad Sunawari Long. (2016). *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ammar, F. (2008). *Anatomi al-Quran*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Anon. (2006). *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Che Mat. (2018). *Ilmu al-Ma'āni dalam Terjemahan Arab-Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Ariffin dan Idris Mansor. (2020). Analisis Kesahihan Terjemahan Unsur Figuratif al-Quran ke dalam Bahasa Melayu. dalam *Prosiding Madani 2019 Seminar Antarabangsa Masyarakat Madani Alaf 21*. 25 dan 26 November

2019. Universiti Malaysia Terengganu. Penyunting: Noor Rohana Mansor, Kasyfullah Abd Kadir, Muhamad Khairul Zakaria, Che Hasniza Che Noh, Samsiah Abdul Hamid, Hamdan Aziz, Syahrin Said, Zamzahaila Mohd Zin dan Khairil Shazmin Kamaruddin. Penerbit UMT. 541-550.
- Baharom et. al. (2015). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gikas, J., & Grant, M. M. (2013). Mobile computing devices in higher education: Student perspectives on learning with cellphones, smartphones & social media. *The Internet and Higher Education*, 19, 18–26.
- Halim, Z. A., Salleh, A. W., Rahman, N. E. A., & Suhane, S. H. M. (2018). Konsep ‘Ilm Al-Bayan Dalam Gaya Bahasa Melayu: Sorotan Perbandingan Dan Pemanfaatannya Dalam Pengajaran Ilmu Balaghah. dalam *Proceedings of International Conference on Ummah (ICU2018)*. 406.
- Halimah, A. M. (2014). Translation of the Holy Quran: a call for standardization. *Advances in Language and Literary Studies*, 5(1), 122–133.
- Heri Ruslan. (2012). Jejak Penerjemahan Alquran di Dunia Barat. Khazanah. <https://www.republika.co.id/berita/m2mahv/jejak-penerjemahan-alquran-didunia-barat>
- Mohamed, Y., Ibrahim, M. H., Saad, N. M., & Ismail, S. (2021). Pelaksanaan PdPC Balaghah Di Institusi Pengajian Tinggi Dari Perspektif Pensyarah. *AL-QALAM International Online Journal of Arabic Language Studies*, 1(1), 1-19.
- Mohd Zaki Abd. Rahman & Che Radiah Mezah. (2013). *Balaghah Melayu Berdasarkan Balagh Arab Satu Pengenalan dalam Ilmu Ma'ani*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad, A. (2008). *Pendidikan Balaghah Arab di Malaysia*. Penerbit UTM Press.
- Muhammad, A., Abdullah, A. H. bin, Basiron, B. B., Jasmi, K. A. B. I. N., & Noor, S. S. B. I. N. M. (2007). *Penguasaan pelajar sekolah menengah Aliran Agama terhadap pengajian ilmu Retorik Arab*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nazri Bin Atoh, Saipolbarin Bin Ramli & Muhammad Zulkifli Bin Abdul Manan. (2017). Keberkesanan Pengajaran Al- Balaghah Menggunakan Contoh Ayat Al-Quran. dalam *Proceedings of The International Conference on The Teaching and Learning of Languages (ICTLL)*. 384.
- Othman, H. H. (1999). Pengajian balaghah di sekolah agama rakyat (Perak): Pengalaman dan tinjauan. *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu*, 113–127.
- Othman, A. J., Norzan, N., Darusalam, G., & Siraj, S. (2011). Cabaran guru program LINUS dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. *Masalah Pendidikan*, 34, 37–51.
- Raja Hazirah, R. S. (2012). *Penguasaan Balaghah dalam kalangan pelajar IPT*. Doctoral dissertation, University of Malaya.
- Rosni Samah, & Muhammad Marwan Ismail. (2009). *Laporan Penyelidikan Penguasaan al-Balaghah dan Permasalahannya Di Kalangan Pelajar Sijil*

- Tinggi Agama Malaysia (STAM) Kajian Di Sekolah-Sekolah Agama Negeri Selangor*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sabhita Marican. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial: Pendekatan Praktatik*. Edusystem Sdn. Bhd.
- Sery, S. A. M. (1999). *Perintis ke Arah Memberi Nafas Baru kepada Ilmu Balaghah*. Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sibawaih & Agus Dedi Putrawan. (2015). Al-Quran dan Prinsip Komunikasi, dalam *Komunike*, 7 (1).
- Siti Ngaisah, (2013). Analisis Pemakaian Gaya Bahasa Dan Makna Yang Terkandung Pada Terjemahan Al Quran Surat An-Nisa. *Tesis Sarjana*, Fakultas Keguruan Dan Ilmu Pendidikan Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Siti Saodah Hassan. (1999). Ilmu Bayan Satu Perbandingan Dengan Bahasa Melayu. Dalam *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia. 43-53.
- Sopian, A., Ahmad, S., & Bakar, K. A. (2013). Penguasaan dan Permasalahan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu Balaghah: Satu Tinjauan Awal/Mastery and Problem of Students Against the Balaghah Studies: A Preliminary Survey. *Islamiyyat*, 35(1), 93.
- Sulaiman, R. H. R., & Wahid, N. A. (2021). Faktor-faktor Kelemahan Pembelajaran Balaghah [Factors of Weaknesses in Learning Balaghah]. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities*, 1(2), 111–120.
- Zadeh, T. (2015). Quranic studies and the literary turn. *Journal of American Oriental Society*, 135(2), 329–342.